





DBP diamanahkan untuk mengetuai dan menyelaraskan usaha pembidaan KL sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020.

perbukuan. Dua elemen ini merupakan kekuatan dan kelebihan yang diangkat oleh pasukan pembidaan Malaysia berdasarkan kriteria yang dimiliki oleh Kuala Lumpur berdasarkan imej dan jati diri negara Malaysia itu sendiri dengan mengoptimumkan kelebihan keadaan geografi yang terdapat di Kuala Lumpur.

Kerja pengumpulan aktiviti yang dilaksanakan oleh individu, kumpulan, sekolah, kolej, persatuan, institusi, badan kerajaan dan badan bukan kerajaan di sekitar Kuala Lumpur sedang giat dijalankan oleh pihak sekretariat bagi menyenaraikan seberapa banyak aktiviti perbukuan dan pembacaan yang dijalankan di Kuala Lumpur. Terdapat juga pemakluman aktiviti yang kebiasaannya dijalankan di luar Kuala Lumpur akan turut diusahakan penganjurannya di wilayah Kuala Lumpur bagi memberikan sokongan kepada usaha pembidaan ini. Perkembangan positif ini amat dituntut daripada semua pihak pada saat menghadapi proses pembidaan yang sukar untuk diramal. Hal ini disebabkan ciri penjurian dan keputusan yang terdahulu menunjukkan populasi penduduk dan status bandar raya sebuah negara bukanlah faktor wajib yang membolehkan sebuah bandar raya itu terpilih sebagai Ibu Kota Buku Dunia.

Menjelang tarikh akhir penyerahan kertas pencalonan pada 15 Mac 2018, semua pihak yang terlibat sedang giat menggembeng tenaga dan kudrat untuk merealisasikan impian mencipta sejarah menjulang nama Malaysia melalui ibu negaranya, iaitu Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia. Usaha ini merupakan tonik paling mujarab yang bersifat serampang dua mata, yakni mengangkat industri perbukuan kembali di Malaysia, di samping memperkenalkan Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia yang mengutamakan tabiat membaca dalam kalangan warganya. Dua matlamat tersebut mengarah kepada kelahiran masyarakat yang berilmu dalam hala tuju negara untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2050. Usaha ini diharap mampu memberikan impak yang berkesan kepada masyarakat kerana sekiranya Kuala Lumpur terpilih sebagai Ibu Kota Buku Dunia untuk tahun 2020, maka Kuala Lumpur akan

mempromosikan dan melaksanakan aktiviti perbukuan, kesusasteraan dan gerakan membaca selama setahun bermula 23 April tahun penganugerahan sehingga 22 April tahun berikutnya.

Kita harus maklum bahawa untuk memupuk minda kelas pertama dalam kalangan masyarakat, terutama generasi muda amat memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak. Langkah ini bertujuan untuk mewujudkan sistem penerbitan buku yang cekap kerana bahan bacaan yakni buku masih merupakan sumber utama untuk penyebaran ilmu. Mengikut standard yang ditetapkan oleh pihak UNESCO, antara kriteria sebuah negara maju ialah penerbitan buku dalam negara tersebut mestilah pada kadar satu peratus daripada jumlah penduduknya. Sehubungan dengan hal itu, Malaysia harus melipatgandakan usaha bagi memastikan jumlah ini mampu dicapai dan jumlah buku yang dihasilkan oleh rumah penerbitan mahupun individu juga perlu bertambah setiap masa dan juga dibaca oleh masyarakat.

Oleh hal yang demikian, aktiviti pembacaan perlu diberikan suntikan nafas baharu untuk mengubah stigma bahawa membaca itu membosankan dan hanya melalui buku fizikal semata-mata. Aktiviti pembacaan perlu disokong dengan baharu penerbitan secara digital dan kebolehcapaian pembacaan di mana-mana sahaja kerana masyarakat pada marcapada ini memerlukan ruang dan peluang untuk membaca di mana-mana sahaja dengan cepat dan pantas. Hal yang sedemikian ini merupakan langkah menyantuni masyarakat melalui pembacaan seiring dengan slogan yang diangkat untuk pencalonan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia.

Perkara ini juga menzahirkan maksud yang dinyatakan dalam Resolusi Dasar Buku Negara yang menggariskan lima matlamat utama, iaitu memastikan buku dalam bahasa Melayu sebagai alat pembangunan fikiran, sosial dan budaya, memastikan buku dapat dinikmati oleh semua golongan, memastikan rakyat mempunyai minat membaca yang tinggi, memastikan semua buku yang diterbitkan mencapai mutu yang baik serta pengdigitalan buku alaf baharu dan buku masa hadapan.

Oleh itu, pembidaan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia pada tahun 2020 amat kena pada gaya dan tepat pada masa. Dalam hal ini, sokongan dan daya rakyat Malaysia amat diperlukan bagi membantu merealisasikan hasrat Malaysia melalui Bandar Raya Kuala Lumpur untuk dinobatkan sebagai Ibu Kota Buku Dunia pada tahun 2020 dengan kelas yang tersendiri. Moga hasrat ini sidi dan menjadi titik tolak terhadap penghasilan masyarakat pembaca dan berminda kelas pertama. **PB**